



B A B : I V  
F a s a l K e d u a

## 1. KESIMPULAN DAN PENILAIAN

1.1 Dalam bab-bab yang lalu, penulis telah membicarakan mengenai konsep perundangan Islam dan seterusnya menyatakan secara praktikal melalui proses perbicaraan yang dijalankan di Mahkamah Syar'iyah Wilayah Persekutuan. Oleh itu penulis akan membuat kesimpulan dan penilaian, sejauhmanakah implimentasi konsep perundangan Islam ini dipakai oleh Mahkamah Awam dan juga di kebanyakan Mahkamah Syariah di Malaysia sekarang ini. Penilaian dan kesimpulan ini dapat kita lihat melalui persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua acara ini.

1.2 Konsep perundangan Islam telah membincangkan tentang bidang kuasa Mahkamah yang berhak membicarakan sesuatu kesalahan. Tiap-tiap kesalahan dibicarakan oleh Mahkamah dalam kawasan yang kesalahan itu dilakukan atau di tempat mukim pihak yang didakwa. Dalam keadaan yang kesalahan itu dilakukan dibanyak kawasan atau timbul pertikaian tentang bidangkuasa Mahkamah yang berhak membicarakan, maka Hakim boleh dengan budi bicaranya menentukan Mahkamah yang patut mengendalikan kes itu. Hal yang serupa dapat dilihat dalam Kanun Acara Jenayah

dalam seksyen 121, 122, 123. dan 125 yang menentukan Mahkamah tempat kesalahan itu dilakukan yang berhak membicarakan kesalahan itu. Jika bidang kuasa Mahkamah itu tidak dapat ditentukan, maka kes itu bolehlah dibicarakan oleh Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang lebih luas.

1.3 Dari sudut pertuduhan pula, Islam telah menetapkan bahawa sesuatu pertuduhan yang dibuat ke atas yang didakwa hendaklah menyatakan dengan jelas kesalahan yang dipertuduhkan, dan pertuduhan itu hendaklah difahamkan kepada yang didakwa. Jika pertuduhan itu ditambah atau diubah, Mahkamah hendaklah memanggil yang didakwa untuk menjawab samada hendak mengaku salah atau bersedia dibicarakan di atas pertuduhan yang baru itu. Keadaan yang sama dapat dilihat dalam seksyen 153(i) dan 158(i) (ii), Kanun Acara Jenayah.

1.4 Kaedah pendakwaan dalam Islam mengharuskan perwakilan dalam sesuatu dakwaan, bukan setakat itu sahaja malah undang-undang Islam mengahruskan perlantikan pendakwaraya untuk bertindak sebagai mewakili individu dan masyarakat. Mengikut prosedur pendakwaan di Mahkamah Syar'iyah dalam kes

jenayah hanya dilakukan oleh pendakwaraya Syariah. Individu biasa hanya boleh menjalankan pendakwaan dalam kesalahan yang berkaitan dengan dirinya atau hartanya (kes sivil). Dalam Kanun Acara Jenayah perkara ini disebutkan dalam seksyen 377(a)(b). Dalam hal ini, terdapat sedikit perbezaan yang mana undang-undang Islam membenarkan pihak pendakwa untuk mengemukakan sesuatu dakwaan samada dalam kes jenayah atau kes sivil. Dengan kata lain pendakwa berhak mengemukakan apa jua kes kepada Hakim. Bukan itu sahaja, bahkan seseorang saksi yang melihat sesuatu kesalahan boleh juga menjalankan pendakwaan seperti yang terdapat di bawah dakwa al-Hisbah. Walau pun terdapat sedikit perbezaan di antara kedua-dua acara ini, tetapi penulis merasakan prosedur pendakwaan dalam kes-kes jenayah yang dilakukan oleh pendakwaraya sekarang ini mempunyai kesesuaian dengan undang-undang Islam. Penulis merasa bimbang jika pendakwaan dalam kes-kes jenayah dilakukan oleh mana-mana individu kemungkinan ke<sup>c</sup>adilan yang hendak dituntut itu tidak tercapai. Jadi untuk mencapai tujuan itu, maka seseorang pendakwa itu hendaklah membantu pendakwaraya dalam mengemukakan pendakwaan yang mana ia bertindak se-

bagai pendakwa dan saksi dalam kes itu sesuai dengan konsep al-Hisbah.

1.5 Perbuatan salah di hadapan Mahkamah seperti mengganggu, menghina atau mempersendakan kewibawaan Mahkamah merupakan satu kesalahan dan Mahkamah boleh mengarahkan orang yang melakukan perbuatan itu ditahan dan dibicarakan dan dijatuhkan hukuman. Begitu juga dengan keengganan untuk memberikan maklumat, keterangan atau menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya, tanpa alasan yang munasabah membolehkan Mahkamah mengenakan hukuman yang difikirkan patut. Perkara ini telah mendapat perhatian di bawah seksyen 353, 354, 355, 356 dan seksyen 357.

1.6 Dari sudut perbicaraan pula, apabila seseorang yang dituduh itu menghadirkan diri ke hadapan Mahkamah, dan Mahkamah berpuas hati dengan alasan pihak pendakwa, maka pertuduhan yang mengandungi butir-butir kesalahan yang dituduh hendaklah dirangkakan dan dibaca serta diterangkan kepadanya maka yang dituduh itu mempunyai pilihan samada mengaku salah atau tidak mengaku salah atau berdiam diri dengan pengertian ia tidak menolak dan

tidak pula mengaku tuduhan yang dibuat terhadapnya. Jika ia memilih pilihan pertama Mahkamah boleh membuat keputusan tanpa perlu sebarang keterangan lain, jika pilihan kedua Mahkamah boleh membuat keputusan berdasarkan kuat lemahnya keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Tetapi jika yang dituduh itu membuat pilihan ketiga iaitu berdiam diri, Mahkamah boleh meneruskan perbicaraan, jika Mahkamah benar-benar berpuas hati dengan hujjah pihak yang mendakwa atau menangguhkan kes itu dan membuat penyiasaan lain. Dalam Kanun Acara Jenayah bahagian perbicaraan ini dapat dilihat dalam seksyen 173(a)(c) dan seksyen 178(i)(iii).

1.7 Berhubung dengan keputusan, sebelum seseorang Hakim itu membuat keputusan, beliau patut menganjurkan perdamaian (sulh), dan beliau juga perlu mengambil langkah-langkah berhati-hati dengan mengadakan musyawarah dengan orang yang lebih arif dalam perbicaraan, dan tiap-tiap keputusan itu hendaklah diumumkan di Mahkamah secara terbuka. Jika Mahkamah berpendapat bahawa keputusannya itu terdapat percanggahan dengan dalil Qat'ie, maka keputusan itu hendaklah dibatalkan. Keadaan yang sama dapat dilihat dalam Kanun Acara Jenayah.

1.8 Sesuatu kes yang diputuskan itu boleh dibuat rayuan kepada Mahkamah yang lebih tinggi terhadap keputusan yang melibatkan apa-apa kesilapan undang-undang atau fakta atau melibatkan dasar hukum yang melebihi had. Sesuatu rayuan dianggap tamat sekiranya berlaku kematian ke atas orang yang dituduh, kecuali dalam kes diyat. Dalam Kanun Acara Jenayah diperuntukkan dalam seksyen 380, 320 dan lain-lain seksyen.

1.9 Penyemakkan akan dibuat apabila keputusan Hakim Mahkamah Rendah didapati tidak betul. Dalam hal ini, Hakim Mahkamah Rendah boleh memura<sup>c</sup>ahkan keputusan itu. Mahkamah Tinggi boleh meminta untuk memeriksa rekod-rekod perbicaraan yang dijalankan oleh Mahkamah Rendah. Mahkamah juga boleh menggunakan kuasanya tentang kesahihan hukuman atau menggantungkan mana-mana keputusan perintah sabitan dan hukuman. Dalam Kanun Acara Jenayah telah diperuntukkan di dalam seksyen 307, 323(i).

1.10 Apa yang membezakan di antara kedua-dua undang-undang ini ialah dari segi teknik pelaksanaannya sahaja, dalam soal pengaduan misalnya, pengaduan di zaman Rasulullah s.a.w. dan khalifah selepasnya, segala pengaduan diajukan secara langsung kepada Rasulullah s.a.w. dan khalifah-khalifah yang memerintah pada ketika itu, samada dalam kes-kes jenayah, mal dan kekeluargaan. Ini berlainan dengan apa yang berlaku pada masa sekarang, segala bentuk pengaduan jenayah, pihak yang mendakwa tidak dibenarkan membuat pengaduan itu secara langsung kepada Hakim, malah mestilah melalui polis atau mana-mana pegawai-pegawai pendakwa dan penguatkuasa agama. Mereka ini akan membawa kes tersebut ke Mahkamah. Walaubagaimana pun keadaan ini tidak menjejaskan proses perbicaraan dan tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Mereka ini telah ditugaskan atau diberikan mandat oleh masyarakat untuk menjaga keselamatan dan membasmi kemaksiatan di samping itu prosedur ini akan melicinkan lagi proses perbicaraan di Mahkamah. Oleh itu amatlah wajar sekali prosedur ini diamalkan bagi menjamin ke<sup>c</sup>adilan.



1.11 Aturcara Islam, telah memberikan kebebasan kepada yang didakwa untuk membela dirinya samada melalui keterangan, sumpah, kesaksian dan sebagainya begitu juga dengan Kanun Acara Jenayah. Walaubagaimana pun Islam lebih berhati-hati dalam soal ini. Sungguhpun Islam memberikan kebebasan membela diri dan kemenangannya bergantung kepada kepintarannya berhujjah, tetapi di sana ada suatu ikatan atau sekatan, berdasarkan Hadis Rasulullah s.a.w. yang memberi ingatan kepada sesiapa yang memberikan keterangan secara tidak jujur dan sengaja memutarbelitkan keterangannya bagi mendapatkan kemenangan walaupun ia mengetahui bahawa perkara itu bukan haknya.

1.12 Apabila kita melihat kepada persamaan dan perbezaan di antara prosedur perbicaraan dalam Islam dengan apa yang dijalankan di Mahkamah Syar'iyah dan Mahkamah Awam, maka dapat kita simpulkan dari segi mengimplimentasikan prosedur perbicaraan, pada umumnya adalah sama bermula dari segi aduan sehinggalah kepada penjatuhan hukuman. Cuma apa yang berbeza ialah dari sudut teknik dan pelaksanaannya sahaja. Perbezaan ini bukanlah menjejaskan proses perbicaraan dan pengadilan, kerana kita harus meraikan suasana masyarakat sekarang ini.

1.13 Apa yang ingin penulis nyatakan ialah prosedur dalam membicarakan mana-mana kes tidak seharusnya ada perbezaan antara kedua-dua undang-undang ini, kerana perbicaraan dalam Islam lebih sempurna dan detail dan boleh menjamin ke<sup>c</sup>adilan sebagaimana yang dikehendakki oleh Syari<sup>c</sup>at Islam. Prosedur ini seharusnya diterima walaupun dalam masyarakat yang berbilang bangsa (majmuk) seperti di Malaysia.

1.14 Menyentuh tentang prosedur perbicaraan yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasa dan Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, dari segi prinsip asasnya adalah sama dengan apa yang terdapat dalam prosedur perbicaraan perundangan Islam. Cuma yang berbeza dari segi teknik perlaksanaannya sahaja. Walaubagaimana pun penulis bersetuju dengan apa yang wujud sekarang ini, kerana memandangkan kepada realiti kehidupan masyarakat sekarang ini. Jika tidak diwujudkan acara seumpama ini sudah tentu kejadian jenayah Islam dan kemaksiatan akan berleluasa di negara kita, khususnya di Wilayah Persekutuan.

## 2. CADANGAN-CADANGAN

2.1 Pihak berkuasa hendaklah mewujudkan Akta Acara Jenayah, Keterangan dan Mal Islam dengan segera dan ianya hendaklah diselaraskan ke seluruh negeri-negeri di Malaysia untuk dipakai oleh Mahkamah Syar'iyah bagi menjalankan perbicaraan.

2.2 Pihak berkuasa hendaklah mengubah suai beberapa peruntukkan yang wujud dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syara<sup>c</sup> negeri-negeri supaya setiap kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syar'iyah tidak boleh dibicarakan semula oleh Mahkamah Awam. Apa yang wujud sekarang ini, enakmen-enakmen itu sendiri telah memperkuat dan memperkukuhkan kuasa dan ketinggian Mahkamah Awam. Hal ini dapat kita lihat dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syara<sup>c</sup> Negeri Selangor 1952 dalam perkara 45(2).

2.3 Sehubungan dengan ini juga tidak ada peruntukkan yang membolehkan Mahkamah Syar'iyah membicarakan dan menghukum orang-orang yang tidak menganut agama Islam samada dalam kes jenayah atau kes sivil. Ini adalah kerana bidangkuasa Mahkamah Syar'iyah hanya terbatas dan terhad kepada orang-

orang Islam sahaja. Oleh itu dicadangkan supaya peruntukkan ini dipinda, agar Mahkamah Syar'iyah mempunyai bidangkuasa dalam membicara dan menghukum ke atas orang-orang yang tidak menganut agama Islam. Begitu juga tidak ada peruntukkan tentang bidangkuasa pegawai-pegawai penguatkuasa agama untuk membuat penyiasatan bagi mendapatkan maklumat dan bukti mengenai sesuatu kesalahan yang dilakukan. Bidangkuasa ini hendaklah setaraf dengan bidangkuasa penuh pihak polis sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Acara Jenayah.

Akta Mahkamah Syar'iyah (Bidang kuasa Jenayah) Pindaan 1984, hendaklah dimansuhkan oleh kerana ianya jelas mempersempitkan bidangkuasa Mahkamah Syar'iyah dalam membicara dan menjatuhkan hukuman samada dalam kes jenayah dan kes sivil dan akta ini sekaligus menyekat peningkatan taraf Mahkamah Syar'iyah.

2.4 Pada masa ini, kita dapat lihat struktur Mahkamah Syar'iyah adalah tidak terpisah dengan pentadbiran hal-ehwal agama Islam negeri-negeri kecuali Wilayah Persekutuan. Keadaan ini sudah tentu boleh menjejaskan kelicinan tugas dan tidak

melahirkan Hakim yang benar-benar berpengalaman. Oleh itu Mahkamah Syar'iyah juga hendaklah dipisahkan dari Unit Penguatkuasa dan Pendakwa supaya tidak ada unsur pengaruh-mempengaruhi diantara satu sama lain. Pemisahan ini adalah bertujuan untuk melahirkan kewibawaan dan kebebasan institusi Kehakiman. Adalah difikirkan patut supaya pentadbiran Mahkamah Syar'iyah dan Unit Penguatkuasa dan Pendakwa ditadbir terus di bawah Kementerian Kehakiman supaya tarafnya sama dengan Mahkamah Awam.

2.5 Mahkamah Syar'iyah juga perlu dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan untuk memudahkan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan perbicaraan, terutamanya Hakim untuk membuat rujukan kepada ayat-ayat al-Qur'an dan Hadis yang berkaitan dengan kes-kes. Selain dari itu buku-buku prosedur dan aturcara Islam juga perlu ada. Semua rujukan-rujukan tersebut hendaklah dikumpulkan mengikut ayat, surah, rawi dan bab-bab yang biasanya berkaitan dengan kes yang boleh dicarakan di bawah bidangkuasa Mahkamah Syar'iyah.

2.6 Membuat pengumpulan semua kes-kes yang diputuskan oleh Hakim. Tujuannya ialah untuk mempertingkatkan lagi prestasi Mahkamah Syar'iyah, dan memberikan peluang kepada pihak-pihak yang berminat dengan bidang perundangan Islam untuk membuat penilaian dan kajian. Di samping itu dengan tersiar-nya kes-kes ini akan mempermudah Hakim dan lain-lain pihak yang terlibat dengan perbicaraan menjadikannya sebagai panduan dalam menghadapi kes yang sama di masa hadapan.

2.7 Kebanyakan Hakim, pegawai-pegawai pendakwa yang menjalankan perbicaraan hanya berdasarkan kepada kefahaman sendiri tentang acara jenayah dan mal. Mereka tidak dilatih dan diberikan kursus secara teratur sebelum mereka dilantik memegang jawatan tersebut, pendedahan kepada latihan seumpama ini hendaklah dibuat secara teratur dengan mengambil kira sudut amali, seperti mengadakan Mahkamah bayangan (Moot Trial). Mereka yang terlibat hendaklah dilatih bagaimana pengetahuan dan kaedah yang mereka pelajari itu boleh dijalankan secara praktikal dalam perbicaraan.

Adalah difikirkan patut, pendedahan seumpama ini bukan setakat dalam negeri sahaja, bahkan hakim-hakim perlu didedahkan dengan pengalaman-pengalaman luar negeri seperti di Mahkamah Turki, Pakistan, Arab Saudi, Mesir dan sebagainya. Mereka ini juga sepatutnya didedahkan dengan pengalaman dan aturcara Mahkamah-mahkamah luar negeri. Jika perlu khidmat kepakaran luar negeri dalam bidang Kehakiman Syariah patut dimanfaatkan dari masa ke semasa.

Walaupun bagaimanapun penulis tidak menafikan sekarang ini telah wujudnya usaha-usaha untuk melatih mereka yang terlibat dengan perbicaraan untuk memahami prosedur perbicaraan yang berasaskan perundangan Islam, sebagai contohnya kursus Kehakiman yang dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

2.8 Saranan yang terakhir ialah menambah kakitangan di Unit Penguatkuasa dan Pendakwa dari segi bilangan pegawai-pegawai tadbirnya dan pegawai-pegawai penyiasat agama. Pertambahan ini adalah perlu kerana setakat ini cuma terdapat seramai 21 orang sahaja pegawai-pegawai penyiasat

yang terpaksa mengendalikan 27 fasal kesalahan, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syara<sup>c</sup> Wilayah Persekutuan, Pindaan 1974. Kekurangan pegawai-pegawai Pendakwa juga ketara di Wilayah Persekutuan, misalnya hanya terdapat dua orang pegawai Pendakwa sahaja yang terpaksa mengendalikan semua kes di ketiga-tiga Mahkamah. Memandangkan kepada jumlah pegawai dan beban kerja yang dipikul, sudah tentu kejadian-kejadian maksiat sukar dibendung dan dibenteras dengan sepenuhnya, apatah lagi bila dilihat kepada kadar pertambahan penduduk Islam di Wilayah Persekutuan yang hampir meningkat kepada setengah juta orang.





### 3. PENUTUP

3.1 Sebagai penutupnya, dapatlah penulis katakan bahawa prosedur undang-undang Jenayah dan Sivil Islam sesuai dan boleh dilaksanakan dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia, kerana undang-undang ini merupakan ciptaan Allah s.w.t. untuk seluruh manusia

3.2 Hakikat ini dapat dilihat kepada kesesuaian prosedur itu sendiri dan ia pernah dilaksanakan dalam sejarah pentadbiran institusi kehakiman Islam di zaman Rasulullah s.a.w., Khulafah Rasyidin dan zaman seterusnya. Setakat ini, masih banyak peruntukkan dalam Prosedur Jenayah dan Sivil yang bercanggah dengan undang-undang Islam. Oleh itu untuk menyelesaikan masalah ini, pihak berkuasa seharusnya menubuhkan sebuah Suruhanjaya undang-undang Malaysia untuk mengkaji dan menderaf semula mana-mana peruntukan yang bercanggah dengan undang-undang Islam. Prosedur ini hendaklah sesuai dengan kehendak masyarakat sekarang ini. Semoga usaha ke arah pengkanunan undang-undang Jenayah dan Sivil Islam akan berjaya demi mewujudkan sebuah institusi kehakiman yang sesuai dengan kehendak Islam.